

# Ismail Sabri tegaskan tak pernah rayu terus jadi PM

Perdana menteri dakwa artikel fitnah, bawa maksud beliau penting diri, terdesak

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahrzki@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan beliau tidak pernah merayu kepada mana-mana parti politik untuk mengekalkan sokongan mereka terhadapnya supaya terus menjadi Perdana Menteri.

Perkara itu dinyatakan Ismail Sabri, 62, selaku plaintif bagi menjawab pembelaan yang difailkan oleh pemilik Agenda Daily Media Enterprise, Muhammad Izwan Mohd Zubit, yang disaman berhubung penerbitan artikel bertajuk 'Ismail Sabri bimbang jadi PM paling singkat, 'rayu' jangan tarik sokongan' yang didakwa memfitnah perdana menteri.

Ismail Sabri mendakwa, beliau percaya bahawa Muhammad Izwan tidak hadir pada ceramah yang diadakan di Dewan Konvensyen Majlis Daerah Bera pada 29 Januari lalu.

"Dalam ceramah itu, saya te-

lah memberi ucapan yang dirujuk oleh berita-berita yang diterbitkan oleh surat khabar tempatan. Pada masa material sebelum penerbitan artikel itu, defendan tidak menghubungi saya untuk mendapatkan pengesahan atau penjelasan berkenaan dengan ucapan di konvensyen berkenaan.

"Sebaliknya, defendan telah secara melulu merujuk kepada artikel-artikel yang diterbitkan oleh surat khabar tempatan semasa menerbitkan artikel itu yang mengandungi kenyataan-kenyataan fitnah terhadap saya," kata Ismail Sabri di dalam jawapan kepada pembelaan itu yang difailkan pada 6 April.

Ismail Sabri turut mendakwa artikel berkenaan secara keseluruhan memfitnahnya, selain mendakwa ia membawa maksud bahawa beliau tidak jujur, licik dan mementingkan diri sendiri serta terdesak untuk terus menjadi perdana menteri dengan menggunakan apa cara sekali pun.

Dakwa plaintif, defendan (Muhammad Izwan) gagal menjalankan 'kewartawanan bertanggungjawab' ketika menerbitkan artikel itu.

Ismail Sabri mendakwa, semasa menulis artikel itu defendan dipengaruhi atau didorong oleh niat jahat ke'rana pada masa itu, defendan tahu bahawa Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor akan diadakan pada 12 Mac dan matlamat defendan adalah un-

tuk memperkecilkan dan menjejaskan reputasi plaintif sebagai seorang ahli UMNO dan perdana menteri.

"Alasan yang digunakan oleh defendan untuk kononnya menunjukkan 'kewartawanan bertanggungjawab' adalah sama sekali tidak berasas dan tidak boleh dipertahankan," dakwa Perdana Menteri.

Pada 4 Mac, Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan Ismail Sabri untuk memperoleh injunksi ad-interim terhadap Muhammad Izwan, bagi mengekalkan status quo sementara menunggu pelupusan permohonan injunksi inter-parte (dua pihak) pada 27 April.

Pada 18 Februari, Ismail Sabri memperoleh perintah injunksi sementara daripada Mahkamah Tinggi supaya defendan memadamkan artikel yang diterbitkan, dan daripada membuat sebarang kenyataan berkaitan beliau.

Dalam pernyataan tuntutannya, Ismail Sabri yang memfailkan saman itu atas kapasiti peribadinya, mendakwa pada 30 Januari lalu, Agenda Daily Media menerbitkan artikel di dalam laman webnya yang mengandungi pelbagai kenyataan berniat jahat, fitnah dan tidak benar berkenaan plaintif.

Beliau mendakwa, artikel itu antaranya membawa maksud bahawa, beliau terdesak untuk terus menjadi perdana menteri dengan apa cara sekalipun, dan sanggup merayu kepada parti

politik tertentu supaya tidak menarik sokongan terhadapnya, selain mendakwa tempohnya sebagai perdana menteri adalah tempoh yang paling singkat di dalam sejarah Malaysia.

Akibat daripada penerbitan artikel itu, Ismail Sabri mendakwa reputasinya sebagai seorang ahli UMNO dan sebagai perdana menteri tercemar, dan penerbitan itu juga menyebabkan emosinya terganggu dan kenyataan fitnah yang terkandung di dalam artikel itu boleh membawa kesan buruk kepada kerjaya politikanya.

Ismail Sabri memohon satu perintah injunksi agar defendan memadamkan artikel berbau fitnah itu dalam semua laman web dan media sosial yang dikendalikan oleh defendan, selain memohon perintah injunksi untuk menghalang defendan atau ejennya daripada mengeluarkan kenyataan fitnah serupa terhadap plaintif.

Sementara itu, Muhammad Izwan, 37, dalam pernyataan pembelaannya mendakwa beliau dan syarikat itu sudah melaksanakan sikap kewartawanan yang bertanggungjawab semasa menulis dan memuat naik artikel dalam laman webnya berkaitan Ismail Sabri.

Muhammad Izwan turut menafikan sekeras-kerasnya bahawa artikel berkenaan mengandungi kenyataan yang bersifat fitnah dan berniat jahat terhadap plaintif.

BERNAMA